

PRAKTIS 2

Lihat iklan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam iklan tersebut, tulis ulasan yang panjangnya hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan. [15 markah]

Setitis Darah Jiwa Selamat

Kempen Derma DARAH



Kelayakan Penderma Darah:

- Berat badan 45 kilogram ke atas
- Sihat tubuh badan
- Berumur 18 hingga 60 tahun
- Tidak mengambil antibiotik
- Tidak hamil, tidak haid
- Tidur melebihi 5 jam
- Tidak mengambil minuman beralkohol (dalam tempoh 24 jam)

Tarikh: 14 Mei 2016 (Sabtu)
Masa: 7:00 Pagi hingga 5:00 Petang
**Tempat: Dewan Semarak,
Universiti Malaya**



Anjuran:

dengan kerjasama :



**UNIVERSITI
MALAYA**
KUALA LUMPUR
PUSAT PERUBATAN UM

Suatu Kempen Derma Darah akan diadakan pada hari (1) _____
_____. Kempen itu akan bermula pada pukul 7:00 pagi hingga 5:00 petang. Kempen
anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti
Malaya itu bertempat di (2) _____. Terdapat beberapa
kelayakan untuk menderma darah. Antaranya, penderma perlulah mempunyai (3) _____
_____. Oleh itu, pihak perubatan akan memastikan berat
penderma mencukupi sebelum membenarkannya untuk menderma. Kelayakan lain untuk
menderma darah ialah penderma mestilah berumur (4) _____
_____ dan tidak mengambil antibiotik. Selain itu, penderma perlulah sihat
tubuh badan dan tidur (5) _____ bagi memastikan
darah yang diderma memenuhi standard yang ditetapkan.